



Semua Pelajar Berdaftar
Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat (Program Prasiswazah)
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2016-2017

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017 akan diadakan pada **5 hingga 23 Jun 2017**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017 melalui **SMPE** mulai **10 hingga 16 April 2017**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak **RM50.00**.

Draf jadual peperiksaan akhir Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017 akan dipaparkan di laman web PKP bermula **11 April 2017**. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, saudara/i dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan PKP sama ada melalui emel mazuna@ukm.edu.my atau faks ke talian 03-89269182 selewat – lewatnya pada **17 April 2017**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika semasa peperiksaan, saudara/i tidak hadir bagi kursus - kursus berkenaan, saudara/i akan diberi gred E (gagal).

Jadual Waktu Peperiksaan muktamad dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) dan boleh dicetak dari SMPE mulai **12 Mei 2017**. Pelajar dinasihatkan menjelaskan yuran yang tertunggak **2 minggu lebih awal** daripada tarikh tersebut untuk mengelakkan sebarang kesulitan.


Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN

Eksekutif Kanan

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

- s.k. - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
 - Penyelaras Program
 - Eksekutif, Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>